



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**TRANSFORMASI EKONOMI: SUATU KAJIAN TERHADAP
MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU KAUM MAH MERI DI
KAMPUNG SUNGAI BUMBUN, PULAU CAREY, BANTING**

*ECONOMIC TRANSFORMATION: A STUDY OF THE MAH MERI ORANG ASLI
COMMUNITY OF SUNGAI BUMBUN VILLAGE IN CAREY ISLAND, BANTING*

Mohamad Basri Jamal^{1*}, Khairul Ghufran Kaspin², Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{3*}, Mazdi Marzuki⁴

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

⁴ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Nor, N. M. M., & Marzuki, M. (2022). Transformasi Ekonomi: Suatu Kajian Terhadap Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Mah Meri Di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Banting. *International Journal of*

Abstrak:

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji transformasi ekonomi Masyarakat Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun. Kajian ini memberi penekanan kepada transformasi ekonomi yang telah berlaku di Kampung Sungai Bumbun khususnya Orang Asli Mah Meri. Majoriti penduduk Orang Asli di Kampung Sungai Bumbun adalah suku kaum Mah Meri. Objektif kajian adalah menganalisis perkembangan pembangunan ekonomi Orang Asli Mah Meri, mengenal pasti faktor yang membawa kepada perubahan ekonomi dan mengenal pasti kesan yang transformasi ekonomi Orang Asli Mah Meri pada masa kini. Masyarakat Orang Asli Mah Meri menjalankan aktiviti kraftangan dan kebudayaan sebagai sumber ekonomi utama dalam menampung keperluan harian. Mereka menggunakan sumber semula jadi dari hutan seperti kayu Nyireh dalam menghasilkan ukiran yang unik. Transformasi yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah memberi impak positif dalam perkembangan pembangunan ekonomi terutama dalam mendapatkan sumber ekonomi di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Faktor yang membawa kepada perubahan ekonomi Orang Asli Mah Meri

*Education, Psychology and
Counseling*, 7 (45), 137-151.

DOI: 10.35631/IJEPC.745011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



adalah bantuan dari pihak kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), kawasan berhampiran pusat bandar, sikap berdikari Orang Asli Mah Meri dan minat serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Badan Insaf Malaysia dan badan bebas. Kesan transformasi ekonomi yang diterima oleh Orang Asli Mah Meri adalah berlaku mempertingkatkan hasil pendapatan, meningkatkan kemudahan prasarana, wujud interaksi sosial dan ekopelancongan. Artikel ini adalah merupakan kertas konsep yang akan menjelaskan tentang transformasi ekonomi masyarakat Orang Asli suku kaum Mah Meri.

Kata Kunci:

Sumber Ekonomi, Transformasi Ekonomi, Pembangunan Ekonomi, Mah Meri, Kraftangan Dan Kebudayaan

Abstract:

This study was conducted to examine the economic transformation of the Mah Meri Orang Asli community, the majority ethnic grouping in Sungai Bumbun Village in Carey Island. The objectives of the study were to analyse the economic development of the community, identify the factors that facilitated this economic progress, and ascertain the effects of economic transformation on the present day Mah Meri people. Handicraft and culture were the two main economic sources of the community for their livelihood. Natural resources from the forest such as kayu nyireh provided the Mah Meri with the raw materials to produce unique carvings. Transformation initiatives implemented by the government brought positive impact to the economic development of the community especially in securing economic resources for the villagers. The factors that led to economic change for the Mah Meri were assistance from the Malaysian government channelled through the Department of Orang Asli Development (JAKOA), their suburban location, the self-reliant and independent nature of the community, and aid from non-governmental organisations (NGOs) such as Badan Insaf Malaysia and independent bodies. The economic transformation of the Mah Meri was reflected in an increased income level, improvement of facilities and environment, creation of social interaction, and eco-tourism. This article is a concept paper that will explain the economic transformation of the Mah Meri Orang Asli community.

Keywords:

Economic Resources, Economic Transformation, Economic Development, Mah Meri, Handicraft And Culture.

Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji transformasi ekonomi Masyarakat Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey Banting Selangor. Transformasi melibatkan satu proses perubahan ke arah yang lebih baik. Noor Yazlind (2012), berpendapat bahawa transformasi juga melibatkan berganjak, bergerak, berubah, beralih dari suatu tempat, keadaan atau situasi ke suatu destinasi yang baharu. Dalam masa yang sama, transformasi perlu mengubah bentuk, struktur, kaedah pengoperasian dalam menguruskan keperluan diri masyarakat dan negara keunggulan. Transformasi merupakan proses perubahan yang berkaitan dengan kehidupan manusia dan ianya merupakan gabungan dari perubahan-perubahan sosial, budaya, politik dan ekonomi (Yahaya Ibrahim, 2009).

Ekonomi adalah istilah yang diperoleh dari perkataan Yunani yaitu “oikou”, rumah dan “nomos”, hukum (Emmanuel Gerrit Singgih, 2000). Ekonomi sangat penting dalam kehidupan seharian termasuklah secara individu, berkumpulan, firma dan industri. Menurut Mazdan (2016), ekonomi adalah satu kajian sains sosial yang menekankan kajian berkaitan cara masyarakat menggunakan sumber-sumber pengeluaran yang terhad untuk memenuhi kehendak masyarakat yang tidak terhad. Sumber-sumber pengeluaran atau faktor-faktor pengeluaran adalah seperti buruh, tanah, modal dan usahawan. Dalam proses transformasi ekonomi di Malaysia, rakyat digalakkan terlibat dalam aktiviti berbentuk keusahawanan. Orang Asli antara golongan yang terlibat dalam proses pembangunan di Malaysia dengan berfokuskan ekonomi berbentuk tradisional kepada ekonomi berbentuk moden.

Tambahan pula, kebanyakan masyarakat Orang Asli di Malaysia terlibat dalam bidang keusahawanan. Produk yang dikeluarkan oleh masyarakat Orang Asli lebih berbentuk kesenian ukiran kraftangan. Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan mengamalkan gaya hidup mereka tersendiri berasaskan persekitaran petempatan (Ramle Abdullah, 2014). Masyarakat Orang Asli juga dikatakan sebagai penduduk asal di Malaysia. Statistik penduduk Orang Asli di Malaysia pada tahun 2011 adalah seramai 178,197 orang dan kadar kemiskinan Orang Asli adalah 6.4% iaitu lebih tinggi daripada sasaran 2.8% kadar kemiskinan pada Disember 2010 (Razalee Sedek & Oui Pek Geik; Abdul Ghafar Don et. al, 2018).

Di Semenanjung Malaysia, Orang Asli terbahagi kepada tiga puak yang terdiri daripada Negrifo (suku kaum Kintak, Kensiu, Jahai, Mendrik, Bateq dan Lanoh), Senoi (suku kaum Temiar, Semai, Chewong, Jah-Het, Semaq Beri dan Mah Meri (Ma'Batisek) dan Melayu-Proto (suku kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Kuala) (Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, 2018). Menurut Vivien W. C Yew, Abd Hair Awang, Sivapalan Selvadurai & Mohd Yusof Hussain (dalam Abdul Ghafar Don et. al, 2018), jumlah penduduk Orang Asli di Malaysia pada tahun 2010 adalah seramai 178 197 orang. Di semenanjung Malaysia, Orang Asli diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Menurut Mohamad Anis, Rohayu & Tun Ili Ayuni (2018), masyarakat Orang Asli lebih mengamalkan aktiviti ekonomi yang bersifat sara diri dan tidak menguntungkan mereka dalam mendapatkan hasil pendapatan. Ekonomi sara diri yang diamalkan juga membawa golongan Orang Asli ke kancah kemiskinan. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri yang tergolong dalam kaum Senoi lebih mengutamakan aktiviti ekonomi yang menguntungkan mereka dan meninggalkan aktiviti ekonomi yang tidak mendatangkan keuntungan (Ramle Abdullah, 2014). Walaupun masyarakat Orang Asli suku Mah Meri masih mengamalkan aktiviti ekonomi sara diri tetapi mereka bersifat terbuka dalam mengembangkan ekonomi untuk meningkatkan pendapatan mereka (Mohamad Anis, Rohayu & Tun Ili Ayuni, 2018).

Tambahan lagi, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri dari ekonomi bersifat sara diri iaitu sektor utama telah mengembangkan sayap mereka sehingga ke peringkat ekonomi di sektor kedua dan ketiga. Menurut Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah (2017), masyarakat Orang Asli suku Mah Meri sangat popular dengan ukiran kraftangan, tarian kebudayaan dan berjaya menarik masuk pelancong-pelancong. Bahkan kraftangan yang dihasilkan juga menjadi pelengkap kepada industri pelancongan dan terlibat dalam bidang keusahawanan. Mereka tidak

hanya menjual hasil kraftangan dalam kampung sahaja tetapi mereka turut menjual dan mempromosikan di bandar-bandar atau kawasan maju (Mohamad Anis Mohamad Asri, Rohayu Roddin & Tun Ili Ayuni Ahmad Asri, 2018).

Permasalahan Kajian Dan Objektif Kajian

Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri merupakan masyarakat Orang Asli yang menerima perubahan ekonomi dengan lebih terbuka berbanding kaum etnik Negrito seperti suku kaum Batek (Ramle Abdullah, 2014). Hal ini kerana masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menerima perubahan dengan menerima setiap rancangan pembangunan dan program secara positif serta lebih cepat berdikari (Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah, 2017).

Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri telah menerima perubahan aktiviti ekonomi dari sara diri ke peringkat pasaran antarabangsa (Mohamad Anis, Rohayu & Tun Ili Ayuni, 2018). Kemajuan ekonomi yang ditunjukkan oleh masyarakat Orang Asli suku Mah Meri dikatakan adalah kesan usaha kerajaan memperkenalkan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) melalui pameran dan demonstrasi. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey di Banting lebih maju dalam bidang ekonomi jika dibandingkan dengan masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di kawasan-kawasan lain di Selangor seperti Kampung Jugra, Kampung Bukit Mangkok dan Kampung Tanjong Sepat.

Pada peringkat awal transformasi, Masyarakat Orang Asli Mah Meri hanya bergantung pada bantuan yang disediakan oleh kerajaan semata-mata. Namun hasil dan sumbangan yang diterima dari kerajaan telah membawa suku Mah Meri untuk lebih berdikari dan mempelbagaikan hasil pendapatan. Suku Mah Meri telah mengadakan hubungan dua hala antara suku Mah Meri dalam kawasan mereka dengan masyarakat luar untuk menjalankan aktiviti jual beli secara bersemuka. Selain itu, turut menggunakan laman sesawang (business online) untuk mempertingkatkan lagi hasil jualan dan keuntungan (Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah, 2017).

Transformasi ekonomi yang dilaksanakan telah berjaya menarik pelancong di dalam dan di luar negara untuk menjadikan Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey sebagai tempat pelancongan. Keadaan tersebut bukan sahaja memberi keuntungan dan dapat mempelbagaikan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli setempat, sekaligus dapat memberi sumbangan ekonomi kepada negara melalui sektor pelancongan dan keusahawanan. Menurut Ramlee Abdullah (dalam Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill, 2008) kerajaan merupakan pihak yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli. Kerajaan telah memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Melalui DEB, pelbagai program pembangunan telah dijalankan seperti pembangunan tanah, bantuan peralatan pertanian, bimbingan usahawan. Menurut Ramle Abdullah (2014), JAKOA banyak bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain seperti FELDA dan FELCRA.

Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri antara suku etnik Orang Asli yang menerima secara terbuka transformasi ekonomi. Menurut Rohayu Roddin et. al (2017), proses transformasi ekonomi yang dialami oleh masyarakat Orang Asli suku Mah Meri adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh JAKOA, kementerian, badan bukan kerajaan (NGO) dan kesediaan ahli Orang Asli untuk berubah dan mengambil peluang dengan sebaik-baiknya. Menurut Doris

Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar & Nor Aini Idris (2012), pembangunan ekonomi sangat membantu dalam mengatasi masalah kemiskinan masyarakat Orang Asli terutamanya dalam sektor pelancongan. Transformasi ekonomi dari sara diri ke arah meningkatkan hasil pendapatan melebihi keperluan mereka melalui pelbagai aktiviti seperti mempelbagaikan hasil kraftangan, kaedah perniagaan yang pelbagai, pelancongan dan sebagainya.

Namun, transformasi ekonomi turut memberi impak kepada kehidupan mereka sama ada positif atau negatif. Antaranya adalah meningkatkan hasil pendapatan dan sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan (Ramle Abdullah; Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill, 2008). Penempatan masyarakat Orang Asli yang berhampiran dengan pusat bandar akan menerima impak kemajuan lebih cepat berbanding masyarakat Orang Asli yang duduk di kawasan pendalaman (Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar & Nor Aini Idris, 2012). Pembangunan ekonomi akan membantu mentransformasikan ekonomi masyarakat Orang Asli. Namun secara tidak langsung ianya merosakkan hasil sumber hutan yang selama ini menjadi kebergantungan masyarakat Orang Asli (Lee Hou Zei, Vivien W.C. Yew, Azima A.M, Mal Kong Sia, & Geraldine K.L. Chan, 2018).

Berdasarkan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kurang kajian berkaitan transformasi ekonomi masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun. Kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan etnografi masyarakat Orang Asli suku Mah Meri iaitu untuk mengetahui latarbelakang, cara hidup, tingkah laku, interaksi sosial dan budaya masyarakat Orang Asli suku Mah Meri sahaja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana transformasi ekonomi dalam masyarakat Orang Asli berlaku khususnya masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Banting.

Kajian Lepas

Kajian yang dibuat oleh Lee Hou Zeil, Vivien W.C. Yew, Azima A.M., Mal Kong Sia & Geraldine K.L.Chan (2018), adalah berkaitan dengan perubahan sosioekonomi Orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. RPS adalah salah satu program yang dijalankan oleh kerajaan kepada masyarakat Orang Asli. Penduduk mengesahkan bahawa RPS telah membawa perubahan ekonomi dari mereka hanya berharap hasil hutan sehingga yang sudah ada menempah diri di pekerjaan perindustrian, restoran dan sebagainya.. Program RPS memberi impak besar kepada pendapatan isi rumah, penerima rawatan kesihatan dan peningkatan jumlah cilik huruf.

Rohayu, Yusmarwati, Halizah & Sarebah (2017), mengkaji tentang nilai transformasi masyarakat Orang Asli Mah Meri dalam pelancongan peribumi. Transformasi nilai mampu memberi kesan perubahan kehidupan dari sudut ekonomi, sosial, persekitaran fizikan dan pembangunan minda. JAKOA adalah badan kerajaan yang membantu mentransformasikan Masyarakat Orang Asli. JAKOA telah memperkenalkan Satu daerah Satu Industri (SDSI). Program tersebut telah mengalakkan Masyarakat Orang Asli Mah Meri di Sungai Bumbun mempelbagaikan lagi hasil pendapatan kraftangan dan kebuayaan. Sekaligus memperkenalkan pelancongan pribumi. Pelancongan Pribumi yang dijalankan Penduduk Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun telah membawa kesan positif dari sudut pembangunan minda. Di mana mereka lebih bersifat terbuka dalam menerima perubahan.

Kajian Mohd Nur Syufaat Jamiran & Seow Ta Wee (2017), adalah berkaitan dengan kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli. Program pembangunan sosioekonomi yang dijalankan oleh kementerian, JAKOA dan NGO telah menimbulkan isu seperti mengecilkan kawasan tanah Orang Asli dan menyebabkan budaya tradisional juga terhakis akibat wujudnya percampuran budaya. Bagi mewujudkan kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli, pelbagai cadangan penyelesaian telah dilaksanakan antaranya Pembayaran untuk Perkhidmatan Persekitaran (PES), kesepaduan rangkaian perhubungan, kursus keusahawanan dan kemahiran serta *jungle school*. Bagi memastikan hak asasi Orang Asli dipelihara kerajaan telah mewujudkan Akta Orang Asli 1954¹, Dasar Pentadbiran Orang Asli 1974, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Panduan tugas pembangunan Orang Asli dalam masyarakat moden 1978.

Pembangunan Ekonomi

Kajian yang dibuat oleh Doris Padmini Selvaratnam et.al (dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, 2018), menekankan kepada faktor sosiobudaya dan kesejahteraan ekonomi masyarakat Orang Asli. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Masyarakat Orang Asli masih bergantung dengan sumber hutan dan alam semula jadi. Antara punca masalah yang menyebabkan masyarakat Orang Asli di Kampung Kachau Luar mundur adalah keciciran sistem pendidikan, sikap, konflik di antara Tok Batin dan penduduk dan cara masyarakat Orang Asli yang lebih berminat untuk mengekalkan gaya tradisi mereka dan menolak perubahan. Bagi mencari penyelesaian, teori kaedah PES dalam meningkatkan hasil pendapatan serta mendapatkan kesepakatan.

Kajian yang dibuat oleh Asnarulkhadi Abu Samah dan Hanina H. Hamsan (dalam Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill, 2008), menumpukan kepada pendekatan dan model pembangunan masyarakat Orang Asli: satu ulasan. Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan model dan pendekatan umum yang diguna pakai oleh pihak pemerintah dalam mentadbir pembangunan kumpulan atau golongan minoriti. Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Paternistik iaitu satu kaedah yang dikuasai dan di kawal oleh kerajaan untuk meningkatkan pembangunan golongan minoriti melalui asimilasi masyarakat Orang Asli ke dalam masyarakat Orang Asli Melayu. Model Pemodenan Pertanian digunakan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli. Melalui Dasar Ekonomi Baru, kerajaan telah melibatkan masyarakat Orang Asli dalam proses membasmi kemiskinan dan penempatan semula masyarakat. Kerajaan telah membuka tanah-tanah baru untuk penanaman tanaman kontan yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli. bahkan, mereka juga digalakkan untuk menjalankan aktiviti pertukangan.

Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri

Kajian yang dibuat oleh Choi Kim Yok, Kamila Ghazali & Siti Iqbal Sheikh Salleh (dalam Asmah Omar, 2006), adalah berkaitan tentang etnografi di Kampung Bukit Bangkong, Sepang. Tujuan kajian dijalankan untuk mengenal pasti etnografi masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Kampung Bukit Bangkong, Sepang. Suku Mah Meri adalah membawa maksud orang

¹ Akta 134, Pindaan 1974) digubal, pentafsiran telah dibuat berkenaan individu yang tergolong sebagai etnik Orang Asli. mengikut Takrifan akta berkenaan Orang Asli adalah mana-mana bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam Bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan telah dididik sebagai Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli.

hutan. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri hanya terdapat di Selangor sahaja iaitu kawasan persisiran pantai seperti Tanjung Sepat, Bukit Bangkong, Morib, Pulau Ketam, Pulau Indah, Pulau Banting, Pelabuhan Klang dan Pulau Carey. Dari jumlah tersebut terdapat empat kampung yang tinggal berdekatan laut. Bagi taraf pendidikan mendapati penduduk yang berumur 50 tahun tidak pernah mendapat pendidikan formal. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri sama seperti kaum dan etnik lain yang mempunyai adat budaya mereka yang tersendiri. Dalam kajian teori asimilasi telah digunakan di mana berlaku perkahwinan campur di antara masyarakat Orang Asli suku Temuan dan masyarakat Orang Asli suku Mah Meri.

Menganalisis Perkembangan Pembangunan Ekonomi Orang Asli Mah Meri

Dalam pembangunan ekonomi Malaysia yang semakin pesat telah memberi impak terhadap perubahan ekonomi masyarakat termasuklah masyarakat Orang Asli yang merupakan penduduk pribumi. Orang Asli adalah masyarakat yang sering menjadi penyumbang kepada masalah kemunduran dan kemiskinan (Rohayu & Noor Sharipah, 2013). Menurut Puan Aishah², Masyarakat Orang Asli Mah Meri yang masih dikategorikan golongan miskin hanya 20%. Dari sudut pekerjaan pula, seramai 80% orang Asli Mah Meri bekerja sendiri dan 20% bekerja di swasta. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ramlee Abdullah (2014), Orang Asli Mah Meri merupakan kaum senoi yang mengutamakan keuntungan dalam memenuhi keperluan harian. Ini menunjukkan bahawa Orang Asli Mah Meri lebih suka bekerja sendiri kerana lebih menguntungkan berbanding kerja di bawah majikan. Selain itu, faktor pendidikan rendah yang hanya sekadar di peringkat rendah dan menengah menyukarkan mereka untuk bekerja di luar.

Masyarakat Orang Asli Mah Meri mudah menerima perubahan dalam kehidupan harian mereka terutama dalam mempelbagaikan lagi hasil pendapatan. Dalam usaha kerajaan mentransformasikan ekonomi masyarakat, Orang Asli Mah Meri sangat bersifat terbuka dan berani mengambil peluang. Mereka mengikuti pelbagai program keusahawanan dalam usaha meningkatkan lagi hasil pendapatan. Berdasarkan hasil temubual responden Daiman³, mendapati beliau sebelum ini hanya menjalankan aktiviti nelayan sahaja. Namun setelah mengikuti program tersebut, beliau telah menggunakan bakat yang ada untuk mengukir kayu sebagai pekerjaan keduanya dalam mendapatkan hasil pendapatan. Kayu Nyireh yang diperoleh di hutan-hutan telah diukir menjadi kraftangan yang diadaptasikan dari alam semula jadi dan dijual pada masyarakat luar atas permintaan pelanggan.

Dari sudut perkembangan pertanian, kebanyakan Masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti pertanian terutama warga tua. Sebelum transformasi ekonomi dijalankan, masyarakat Orang Asli hanya menanam sejenis tanaman sahaja dan menjualkan hasil tanaman kepada penduduk setempat atau membuat pertukaran sesama hasil tanaman penduduk yang lain. Mereka menanam tanaman seperti buah koko, kopi, durian, buah kelapa, manga, jambu batu dan beberapa tanaman yang lain. Atas program-program dan sumbangan kerajaan melalui JAKOA, mereka telah mempelbagaikan lagi hasil tanaman dan tidak hanya fokus pada satu tanaman

² Merupakan Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Kuala Langat. Temu bual dijalankan pada 04 November 2019 di Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah Kuala Langat, Telok Datuk, Banting.

³ Daiman merupakan responden yang menjalankan kegiatan ekonomi nelayan dan pengukir kayu. Temu bual dijalankan pada 04 November 2019 di Kampung Sungai Bumbun.

sahaja. Menurut Encik Sharin⁴, Orang Asli Mah Meri telah banyak kehilangan tanah kesan pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh Yayasan Negeri Selangor dan Syarikat Sime Darby. Oleh itu, mereka terpaksa menjalankan tanaman secara bergilir-gilir iaitu setelah satu tanaman membuah hasil, mereka akan tanam tanaman lain dengan menggunakan tanah yang sama.

Menurut Tok Batin, Pihak Yayasan Selangor dan Syarikat Sime Darby tidak mengambil pandangan penduduk setempat sebelum membuka pembangunan ekonomi di kawasan tersebut. Bahkan tindakan mereka telah mengganggu sumber ekonomi masyarakat Orang Asli yang bergantung hasil pendapatan melalui sumber hutan. Tambahan lagi ada penduduk Orang Asli Mah Meri di Sungai Bumbun terlibat dalam tanaman komersial iaitu kelapa sawit dan bekerja di ladang kelapa sawit milik Syarikat Sime Darby. Mereka berpendapat bahawa tanaman Komersial lebih menguntungkan mereka. Walaubagaimanapun, krisis komoditi Kelapa Sawit turut menjejaskan hasil pendapatan mereka. Pihak JAKOA telah menyediakan 171 projek pertanian orang Asli iaitu Projek Pengembangan Pertanian, Projek Tanaman Secara Komersial, Projek Ladang Masyarakat dan lain-lain bantuan. Secara langsungnya, mendapati bahawa terdapat transformasi pertanian dari secara tunggal kepada sistem bergilir-gilir dan tanaman komersial.

Dalam bidang perikanan pula, jarak kawasan penempatan Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun dengan laut hanya satu kilometer sahaja. Namun aktiviti perikanan bukanlah menjadi sumber utama hasil pendapatan mereka. Menurut Tok Batin Sidin Bujang⁵, sebelum pembangunan ekonomi dijalankan, Masyarakat Orang Asli Mah Meri mudah untuk ke laut hanya mengerakkan sampan di belakang rumah dan boleh terus ke laut. Bahkan, mereka juga boleh menangkap ikan di sungai sahaja untuk mendapatkan ikan yang banyak dan bersaiz besar.

Pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh pihak Yayasan Negeri Selangor dan Syarikat Sime Darby di Sungai Bumbun bagi tujuan tanaman kelapa sawit telah menyebabkan laluan sungai ditutup dan tiada lagi ikan di sungai. Mereka juga perlu ke laut untuk mendapatkan hasil ikan yang banyak dan bersaiz besar. Ekoran itu, ada penduduk yang beralih aktiviti pekerjaan dengan menjalankan aktiviti ukiran kayu untuk mendapatkan hasil pendapatan. Namun masih ada penduduk yang menjalankan aktiviti nelayan di laut dengan menaiki bot dan menjual hasil tanaman pada tauke-tauke Cina untuk memenuhi permintaan masyarakat luar.

Perkampungan Masyarakat Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun terkenal dengan kraftangan yang unik dan kreatif. Menurut Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) (2011), Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri mempunyai tahap kerajinan yang tinggi dalam mempromosikan kraftangan dan kebudayaan di Kampung Sungai Bumbun sehinggakan dapat menarik minat penduduk dari dalam dan luar negara untuk melihat kreativiti mereka. Menurut Encik Sharin, sebelum proses transformasi ekonomi dijalankan dikawasan Perkampungan Sungai Bumbun. Pengukir kraftangan mudah untuk mendapatkan kayu Nyireh yang berkualiti bagi penghasilan ukiran yang berkualiti.

⁴ Encik Sharin Anak Lelaki Kikeng merupakan Pengerusi MPKK Perkampungan Orang Asli Suku Mah Meri. Temu Bual telah dijalankan pada 04 November 2019 di Balai Raya Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey.

⁵ Encik Sidin Anak Bujang merupakan Tok Batin di Kampung Sungai Bumbun. Berusia 68 tahun. Temu bual pada 04 November 2019 di Kampung Sungai Bumbun.

Dari segi peralatan mengukir, mereka tidak mempunyai peralatan yang mencukupi kerana modal yang tidak mencukupi. Sifat pemalu penduduk Kampung Sungai Bumbun, telah menyebabkan mereka sukar untuk bersemuka dengan masyarakat luar untuk mempromosikan hasil kraftangan mereka dan sekadar menjual pada penduduk setempat sahaja. Manakala, bentuk kraftangan hanya bergantung kepada bentuk ukiran yang diperturunkan oleh nenek moyang seperti harimau berantai, topeng dan sebagainya.

Menurut Encik Sharin, pembukaan tanah untuk perladangan kelapa sawit dan padang golf telah menyebabkan kayu Nyireh sukar untuk diperolehi. Pencemaran sisa toksik dari kilang Kelapa sawit Syarikat Sime Darby telah menyebabkan kualiti kayu Nyireh terjejas. Pengukir sukar untuk mendapatkan kayu Nyireh yang berkualiti di kawasan Kampung Sungai Bumbun dan terpaksa ke perkampungan lain untuk dapatkan Kayu Nyireh yang berkualiti. Menurut Encik Razree⁶, pengukir juga mengalami masalah pengangkutan untuk membawa pulang kayu Nyireh yang telah diterbang di perkampungan lain. Kebanyakan pengukir hanya mempunyai kenderaan motosikal. Oleh itu, mereka terpaksa membawa pulang kayu Nyireh yang telah dipotong dalam bentuk kecil secara berulang kali. Walaubagaimanapun, kreativiti penghasilan kraftangan ukiran kayu Masyarakat Orang Asli Mah Meri telah dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa dan menerima pengiktirafan dari afensi Pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB) iaitu Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan kebudayaan Bngsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Selain kraftangan, masyarakat Orang Asli Mah Meri turut menjalankan aktiviti menganyam. Selepas pembangunan ekonomi dijalankan, mereka telah memasarkan produk secara lebih meluas dan tidak hanya jual pada penduduk setempat sahaja. Program keusahawanan yang disediakan oleh pihak JAKOA, telah berjaya mengajar Orang Asli Mah Meri memasarkan produk secara online iaitu di facebook dan memasarkannya di pameran serta kepada masyarakat di luar. Mereka yang sebelum ini hanya menghasilkan bekas makanan dan tikar telah mempelbagaikan lagi hasil anyaman seperti sarung telefon bimbit, anting-anting, bakul, gelang tangan dan sebagainya. Pada tahun 2011, pelancaran Projek Perkampungan Budaya Orang Asli iaitu Kompleks Budaya Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri telah dirasmikan dan Pusat Kraf Orang Asli di Kampung Sungai Bumbun atas tujuan memudahkan Masyarakat Orang Asli Mah Meri mempamerkan dan mempromosikan produk mereka (Kementerian Penerangan dan Komunikasi, 2011).

Faktor Yang Membawa Perubahan Ekonomi Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Mah Meri

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perubahan ekonomi masyarakat Orang Asli suku Mah Meri. JAKOA merupakan badan yang bertanggungjawab dalam usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Menurut Puan Aishah, pihak JAKOA dengan kerjasama pihak MARA akan menjemput semua usahawan-usahawan Orang Asli di seluruh Malaysia untuk menyertai program keusahawanan dan bimbingan. Matlamat utama program tersebut adalah untuk membantu masyarakat Orang Asli mengembangkan lagi bakat sedia ada. Antara kursus keusahawanan yang dipelajari adalah seperti jahitan, ternakan, ukiran, mekanik, kenderaan dan sebagainya. Program keusahawanan terbuka kepada masyarakat Orang Asli

⁶ Razree merupakan pengukir kraftangan di Kampung Sungai Bumbun. Berusia 25 tahun. Mengukir kayu sebagai kerja sampingan. Temu bual dijalankan di bengkel kraftangan pada 04 November 2019.

suku Mah Meri yang berminat untuk mengikuti kursus. Walaubagaimanapun, menurut Encik Sharin Kikeng, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri yang mengikuti kursus akan diberikan sijil penyertaan tetapi tidak dibantu dari segi menentukan hala tuju selepas mengikuti program tersebut. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri perlu berusaha sendiri untuk mengimplimentasikan kemahiran yang telah diajar dalam kursus tersebut.

Selain itu, JAKOA juga menyediakan sumbangan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli suku Mah Meri. Bagi mereka yang mahu mendapatkan modal perniagaan boleh memohon melalui Tabung Kebajikan masyarakat Orang Asli yang telah disediakan oleh pihak JAKOA. Menurut Sidin Bujang, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri akan mengemukakan permohonan bantuan modal kepadanya dan beliau yang bertanggungjawab mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak JAKOA. Tambahan lagi, pihak JAKOA turut memberi sumbangan melalui pembinaan Pusat Kraf JAKOA. Pusat Kraf telah dibina oleh Kementerian Luar Bandar dan wilayah melalui JAKOA. Menurut Encik Sharin, pusat kraf tersebut akan diuruskan oleh Masyarakat Orang Asli melalui Koperasi Asli Selangor.

Kedudukan Pulau Carey yang mempunyai darjah ketersampaian yang tinggi untuk ke bandar berhampiran seperti di Klang, Banting dan Telok Panglima Garang, ketiga-tiga bandar tersebut mempunyai pembangunan ekonomi yang lebih maju dan kegiatan ekonomi yang dijalankan adalah sektor perindustrian. Kemajuan yang terdapat di bandar tersebut sedikit sebanyak telah memberi kelebihan kepada penduduk masyarakat Orang Asli di Pulau Carey khususnya suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun untuk mempertingkatkan lagi transformasi ekonomi. Kemudahan jalan raya yang berturap telah membantu memudahkan penduduk Orang Asli suku Mah Meri untuk ke pusat bandar. Pulau Carey juga berdekatan dengan lebuh raya Express Lembah Klang-Selatan dan Lebuh raya Elite yang terletak di antara pusat bandar telah memudahkan pelancong untuk masuk ke perkampungan Orang Asli Mah Meri melihat kraftangan dan kebudayaan mereka.

Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri bersifat terbuka dalam menerima perubahan ekonomi yang dibawa oleh pihak kerajaan dalam membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Sikap berdikari yang ditonjolkan telah menyebabkan Kampung Sungai Bumbun yang majoritinya masyarakat Orang Asli suku Mah Meri lebih dikenali berbanding kampung-kampung lain disekelilingnya. Menurut Encik Sharin, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri sentiasa berdikari dengan berusaha sendiri dalam mengembangkan sumber pendapatan mereka. Hal ini kerana tidak semua pengukir, penganyam, pekebun dan nelayan mendapat bantuan dari JAKOA. Mereka menggunakan modal sendiri untuk mengembangkan hasil kerja mereka. Mereka sanggup melakukan dua pekerjaan untuk memastikan keperluan dan kehendak mereka dapat dipenuhi secukupnya. Bakat dan minat yang diasah sejak kecil juga menjadi faktor mereka menceburi bidang kraftangan dan kebudayaan (Encik Sidin Bujang, 2019).

Menurut Sidin Bujang, bantuan yang diberikan JAKOA tidak mencukupi bagi membantu keperluan harian penduduk. Ini kerana aktiviti pekerjaan mereka dipengaruhi keadaan cuaca. Keadaan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli suku Mah Meri telah membuka mata NGO untuk membantu mengurangkan kos sara hidup mereka. Badan NGO yang mahu mengadakan sumbangan akan berjumpa dan berbincang dengan pihak JAKOA bagi mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Bumbun. Menurut MPKK Perkampungan Orang Asli Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, bantuan dan sumbangan prasarana JAKOA yang kurang efisien menyebabkan isu dan masalah yang

dihadapi oleh mereka sukar diselesaikan dan memerlukan jangka masa yang panjang. Badan NGO seperti Badan Insaf Malaysia telah memberikan sumbangan berbentuk rumah, keperluan harian dan ada juga yang menyediakan kemudahan-kemudahan lain untuk mempertingkatkan ekonomi Orang Asli suku Mah Meri. Selain itu, syarikat-syarikat korporat juga memberikan sumbangan berbentuk bahan binaan bagi membantu masyarakat Orang Asli suku Mah Meri membina rumah, bengkel dan sebagainya.

Kesan Transformasi Ekonomi Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Mah Meri Pada Masa Kini

Antara fokus yang diberi keutamaan dalam memastikan masyarakat Orang Asli keluar dari garis kemiskinan adalah dengan membantu meningkatkan hasil pendapatan masyarakat Orang Asli (JAKOA, 2016). Transformasi ekonomi Masyarakat Orang Asli Mah Meri telah memberi kesan positif terhadap peningkatan hasil pendapatan. Menurut Razree (2019), bantuan yang diberikan JAKOA telah membantu meningkatkan hasil pendapatan. Sumbangan dan bantuan mesin yang diterima dapat menghasilkan banyak produk dalam sebulan mengikut saiz dan bentuk tempahan yang diterima. Ini kerana sebelum transformasi ekonomi berlaku, mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk siapkan satu tempahan ekoran peralatan yang tidak cukup dan menyebabkan untung yang diperolehi juga sedikit.

Manakala menurut Puan Tijah⁷, aktiviti anyaman juga semakin mendapat sambutan orang ramai sejak pembangunan ekonomi dijalankan. Kursus keusahawanan yang dijalankan telah membantu penganyam memepelbagaikan lagi cara memasarkan produk. Mereka mula memasarkan produk secara bersemuka dengan masyarakat luar, menjual secara atas talian dan ada badan NGO secara sukarela membawa hasil anyaman mereka dipasarkan keluar. Manakala bagi aktiviti kesenian dan kebudayaan. Masyarakat Orang Asli mula mengenakan bayaran kepada pelancong tempatan dan luar yang mahu menyaksikan tarian mereka seperti Tarian Jo'oh, Tarian Selamat Datang dan sebagainya. Ini kerana tarian yang ditunjukkan memerlukan modal untuk penyediaan alatan muzik dan hiasan anyaman serta masa dan tenaga mereka.

Dalam bidang perikanan, Menurut Sidin Bujang mengatakan bahawa sebelum berlakunya pembangunan ekonomi di kampung tersebut, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri yang bekerja sebagai nelayan hanya boleh mengaut keuntungan sebanyak RM 500 ke bawah. Namun melalui sumbangan dan bantuan yang diberikan oleh pihak JAKOA, sesetengah masyarakat Orang Asli suku Mah Meri yang bekerja sebagai nelayan telah menaiktaraf pengangkutan nelayan dari penggunaan sampan kepada bot. Hasil pendapatan yang diperolehi juga kian meningkat. Hal ini kerana, penggunaan bot membolehkan nelayan menangkap ikan sehingga ke laut dalam dan memperoleh kuantiti ikan yang lebih banyak. Jumlah pendapatan yang diperolehi sehari boleh mencecah antara RM 30 hingga RM 50 sehari setelah ditolak kos. Oleh itu, anggaran hasil pendapatan yang diterima sebulan adalah sebanyak RM 1300 hingga RM 1500 mengikut keadaan cuaca dan kerajinan nelayan.

Menurut Rohayu & Noor Sharipah (2013), Kampung Sungai Bumbun yang terlibat dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) telah diperkenalkan di peringkat luar negara melalui pameran, demostrasi dan lawatan One Village One Product (OVOP) Indonesia. Antara kategori

⁷ Puan Tijah merupakan penganyam di Kampung Sungai Bumbun. Bergiat aktif dalam menghasilkan produk anyaman. Temu bual dijalankan di rumah responden di Kampung Sungai Bumbun. Temu bual pada 04 November 2019.

yang diketengahkan adalah anyaman, ukiran dan kumpulan kebudayaan. Komuniti Mah Meri juga sering terlibat dengan pameran di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya karnival-karnival anjuran kerajaan dan swasta, menyertai Shanghai China, Tourism di bawah Perbadanan Kraftangan (Shanghai World Expo 2010), terlibat dengan Pertubuhan pendidikan, saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan sebagainya.

Transformasi ekonomi juga telah berjaya memperkenalkan ekopelancongan kepada Masyarakat Orang Asli Mah Meri. Menurut Ceballos-Lascurain (1993), ekopelancongan adalah suatu bentuk perjalanan dan lawatan alam sekitar dengan tujuan dan meyedari sifat semula jadi alam sekitar. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri turut menikmati keuntungan dari ekopelancongan yang diperkenalkan. Bahkan ianya bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan mereka tetapi turut memberi impak kepada hasil pendapatan negara melalui kemasukan pelancong sekaligus dapat menjana pendapatan melalui aktiviti ekopelancongan seperti mempamerkan dan mempromosikan kraftangan anyaman dan ukiran kayu serta petunjukkan tarian kebudayaan. Walaupun masyarakat Orang Asli suku Mah Meri terlibat dengan ekopelancongan, mereka sentiasa mengutamakan kelestarian alam sekitar.⁸

Selain itu, masyarakat Orang Asli Mah Meri juga menerima kemudahan prasarana dari transformasi ekonomi yang di jalankan di Kampung Sungai Bumbun. Selepas pembangunan ekonomi, Kampung Sungai Bumbun telah dilengkapi dengan jalan raya yang berturap. Jalan masuk ke kampung Sungai Bumbun yang lebar dan berturap telah memudahkan pelbagai kenderaan untuk bergerak dengan lebih selesa. Bahkan ianya memudahkan pelancong untuk melawat kampung-kampung yang terdapat di Pulau Carey. Menurut Encik Sharin, Sekolah Kebangsaan Sungai Bumbun yang dibina sejak tahun 1970an dan diperbuat daripada kayu telah diganti dengan struktur batu dengan menggunakan tapak yang sama dan ditambah dengan kelengkapan prasarana. Menurut Encik Sharin, Kampung Sungai Bumbun turut dilengkapi dengan prasarana seperti balai raya, tadika kemas, klinik kesihatan, tangki air dan padang. Bagi klinik kesihatan, pegawai kesihatan akan datang melawat dan menjalankan rawatan kesihatan sebulan sekali.

Tambahan lagi, Orang Asli suku Mah Meri turut menerima kemudahan rumah melalui bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). PPRT merupakan bantuan pihak kerajaan dalam memberikan keperluan rumah kepada Orang Asli (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007). Menurut Encik Sharin, pihak kerajaan telah menyediakan rumah PPRT yang telah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air, tandas, satu ruang tamu, tandas, bilik tidur, dan bilik mandi. Tujuan tersebut adalah untuk membantu mengurangkan beban keluarga yang tiada pendapatan yang mencukupi untuk bina rumah. Menurut Encik Sharin, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri turut menerima bantuan rumah dari badan NGO iaitu Badan Insaf Malaysia. Badan NGO telah menerima bantuan dan sumbangan berbentuk barang binaan dari syarikat korporat untuk membantu masyarakat Orang Asli suku Mah Meri membina rumah kediaman ekoran sumbangan yang disediakan oleh kerajaan adalah terhad.

⁸ Menurut Karim (1977), sumber hutan dianggap sebagai satu pemberian daripada nenek moyang untuk kegunaan generasi kini dan akan datang. Sebarang kegiatan mengeksploitasi hasil hutan akan membawa kepada kemusnahan dan menyebabkan manusia menerima kecacatan atau kematian.

Transformasi ekonomi juga mampu meningkatkan kemampuan interaksi sosial di antara masyarakat yang terlibat dengan masyarakat lain. Masyarakat Orang Asli sejak dahulu lagi telah menjalankan hubungan dengan masyarakat luar terutama masyarakat Melayu. Hubungan yang diwujudkan lebih bersifat ekonomi iaitu bertujuan untuk memenuhi barangan keperluan seperti garam, tembakau, periuk, pakaian dan sebagainya (Ramle, 1993). Kesukaran Orang Asli suku Mah Meri untuk bergaul kerana sikap mereka yang pemalu dan merendah diri. Sifat keterbukaan Masyarakat Orang Asli Mah Meri dalam menerima perubahan telah menyebabkan wujudnya hubungan yang baik dengan masyarakat luar melalui interaksi sosial. Sifat yang ditonjolkan telah menarik minat pelancong untuk melawat perkampungan Sungai Bumbun melalui ekopelancongan.

Selepas pembangunan ekonomi, sikap masyarakat Orang Asli suku Mah Meri semakin peramah ketika menerima kunjungan pelancong. Sidin Bujang turut mengatakan bahawa mereka merasa lebih dihargai apabila pelancong belajar kesenian dan kebudayaan mereka. Tambahan lagi, interaksi sosial yang diwujudkan bukan sahaja secara bersemuka. Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri mula menggunakan teknologi seperti telefon bimbit untuk berhubung dengan pelanggan untuk tujuan aktiviti jual beli. Selain itu, Sidin Bujang mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli suku Mah Meri juga melayari internet melalui media massa seperti aplikasi facebook, Instagram dan sebagainya untuk mempamerkan, mempromosi dan menjualkan hasil produk secara atas talian. Komunikasi yang baik mampu mempertingkatkan taraf hidup Orang Asli suku Mah Meri terutama semasa menarik minat pelanggan untuk membeli produk mereka.

Penutup

Secara keseluruhannya, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey telah terlibat dalam proses pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi yang dijalankan telah memberi impak yang besar kepada masyarakat Orang Asli suku Mah Meri sehingga membawa kepada berlakunya transformasi ekonomi. Sumber ekonomi merupakan perkara yang ditekankan dalam kajian ini. Kepelbagaian sumber ekonomi telah membantu meningkatkan lagi hasil pendapatan masyarakat Orang Asli suku Mah Meri. Hampir keseluruhan masyarakat Orang Asli suku Mah Meri menjalankan dua pekerjaan. Contohnya menjadi nelayan untuk dijadikan modal dalam kraftangan ukiran. Manakala bagi golongan wanita mereka berkebuduan untuk dijadikan modal kraftangan anyaman. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli suku Mah Meri antaranya adalah bantuan pihak JAKOA, badan NGO, sikap berdikari dan minat serta kawasan yang hampir dengan pusat bandar. Pembangunan ekonomi telah memberi kesan terhadap masyarakat Orang Asli suku Mah Meri pada masa kini iaitu dapat mempertingkatkan hasil pendapatan, meningkatkan kemudahan prasarana, wujud interaksi sosial dan ekopelancongan. Hasil kajian dan penulisan ini akan menjadi sumber rujukan penting kepada mana-mana pihak yang akan melakukan kajian berkenaan dengan transformasi ekonomi masyarakat Orang Asli secara umumnya dan bagi suku kaum Mah Meri secara khususnya.

Rujukan

- Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini. (Eds.) (2018). *Pemeriksaan Kesejahteraan hidup Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Omar. (Ed) (2006). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar & Nor Aini Idris. (2012). *Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Kelestarian Kehidupan Orang Asli*

- Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands. Dalam *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, Universiti Sains Malaysia, (p.p 1200-1214). Retrieved from http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_4D2.pdf
- Er Ah Choy & Nurul Bariah. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan Orang Asli lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space* 9, (2), 27 – 34. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/6238/1/er_ah_choy-edkatam1.pdf
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. (2014). Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran Dan Permasalahan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/17-Dakwah-Orang-Asli-Pulau-Carey.pdf>
- Haliza Abdul Rahman. (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *The Asian Journal of Humanities*. 17, 111-134. Retrieved from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=14902>
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2018). *Data asas KPLB (Suku Kedua)*. Retrieved from [https://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10 /DATA -ASAS-2018_SUKU-2_opt.pdf](https://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10/ DATA -ASAS-2018_SUKU-2_opt.pdf)
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. (2011). Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri. *Buletin Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan*, Julai-Ogos 2011, 6. Retrieved from https://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin/buletin%20bil%204_2011.pdf
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Laman Web Koperasi Orang Asli Selangor Berhad. (2019). Retrieved from <http://www.kopasli.com/>
- Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). <http://www.jakoa.gov.my/>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2019). <http://www.jakoa.gov.my/>
- Lee Hou Zei, Vivien W.C. Yew, Azima A.M, Mal Kong Sia, & Geraldine K.L. Chan. (2018). Perubahan sosioekonomi Orang Asli orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (4), 127-141. Retrieved from <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-11>
- Ma' Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (Eds.). (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Mazdan Ali Amaran. (2016). *Mikroekonomi dalam industri seni*. Sarawak: Universiti Sarawak Malaysia.
- Mohamad Anis, Rohayu Roddin & Tun Ili Ayuni. (2018). Kejayaan penglibatan golongan wanita Orang Asli Orang Asli Suku Kaum Mah Meri di dalam bidang keusahawanan. *Journal for TVET Practioners*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4807>
- Mohd Fauzi & Nor Aini. (2009). *Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Dilema Miskin dan Terpinggir*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)
- Mohd Fauzi, Nor Aini, Madeline, & Faridah. (2006). Kemiskinan dalam kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 40, 95-101. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7802/1/1632-3082-1-SM.pdf>

- Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah. (2010). *Isu pembangunan pelancongan ekologi di Malaysia: Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nasuha Badrul Huzaini. (2018). Harga sawit rendah, pengusaha ladang dijangka rugi. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2018/12/510058/harga-sawit-rendah-pengusaha-ladangdijangka-rugi>
- Noraini, Ridzwan, Ramlee, Mohd Azlan & Norwaliza. (2018). Kekurangan Sumber Hasil Hutan bagi Kelestarian Pelancongan Mampan Masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu Kajian Kes di Pulau Carey Selangor. *Jurnal Sains Humanika*, 10. Retrieved from www.sainshumanika.utm.my
- Ramle Abdullah. (1993). *Semaq Beri: Orang Asli Orang Asli di Terengganu*. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramle Abdullah. (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan transformasi*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin
- Rohayu Roddin & Noor Sharipah Sultan Sidi. (2013) Pembinaan keupayaan dalam pelancongan Orang Asli: Satu Kajian Kes dalam Orang Asli Mah Meri. In: *Proceeding of the International Conference on Social Science Research 2013, 4-6 Jun 2013*, Pulau Pinang, Malaysia. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/3985/>
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Halizah Awang & Sarebah Warman. (2017). Nilai Transformasi Orang Asli Mah Meri dalam Pelancongan Peribumi. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3 (6), 47-57. Retrieved from <http://gbse.com.my/v3no6may17/Paper-100-.pdf>
- Tarmiji Masron, Fujimaki Masami, & Norhasimah Ismail. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia : Population, Spatial Distribution and Socio-Economic Condition. *Journal Ritsumeikan Soc. Sci. Humanit*, 6 (7), 75-115. Retrieved from http://www.ritsumei.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol06_07.pdf
- World Wide Fund of Nature Malaysia. (1996). *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia*. Petaling Jaya: World Wide Fund of Nature Malaysia. Retrieved from http://repository.wwf.org.my/technical_reports/P/PelanEkopelanconganKebangsaanMalaysiaRingkasanEksekutif.pdf
- Zainal Abidin Ali. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan: In: Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (pnyt) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari, & Mustaffa Omar. (2009). Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4 (1), 1-12. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/1589/>